

**NO. SOALAN: 76**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris  
[Jerantut]**

**TARIKH : 2.8.2017**

**RUJUKAN : 10016**

**SOALAN:**

**Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berkala agar aktiviti perjudian atas talian dan juga kedai mesin judi ini dapat dibanteras terutama di Daerah Jerantut.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau dan mengambil tindakan secara berterusan untuk menangani kegiatan perjudian haram. Di samping melaksanakan Operasi Dadu terhadap premis-premis perjudian, PDRM turut memantau *modus operandi* yang digunakan sindiket sejak pertengahan tahun 2015 untuk mencari pelanggan baharu dengan mempromosikan aktiviti perjudian melalui media sosial seperti *Facebook*, *WeChat*, *WhatsApp*, melalui *Short Message Service* (SMS) dan juga melalui laman-laman sesawang atau berselindung di sebalik Pusat Hiburan Keluarga (PHK), premis perniagaan lain yang sah seperti kafe siber dan kedai-kedai telekomunikasi.

Beberapa langkah telah diambil oleh PDRM untuk mengesan serta membanteras kegiatan yang dijalankan oleh individu dan sindiket yang boleh menjejaskan imej Malaysia antaranya seperti berikut:

- i. pembanterasan kegiatan penjualan ekor haram dengan tumpuan dan skala yang lebih besar di seluruh negara melalui operasi-operasi yang dijalankan secara berterusan;

- ii. mengenalpasti individu dan sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian haram dan mendakwa mereka di bawah undang-undang berkaitan;
- iii. mengambil tindakan ke atas pemain serta penganjur kegiatan perjudian haram di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Akta Pertaruhan 1953 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959; dan
- iv. tindakan pemotongan bekalan elektrik dan air terhadap premis yang degil dan masih mengulangi kesalahan yang sama.

Statistik jumlah serbuan dan tangkapan perjudian atas talian di Daerah Jerantut dan Kontinjen Pahang dari tahun 2016 hingga Jun 2017 adalah seperti berikut :

STATISTIK OPS DADU MESIN PERJUDIAN DAERAH JERANTUT, PAHANG												
JENIS JUDI	SERBUAN		BERJAYA		TANGKAPAN		RAMPASAN				RAMPASAN WANG TUNAI (RM)	
	2016	JAN-JUN 2017	2016	JAN-JUN 2017	2016	JAN-JUN 2017	MESIN KOMPUTER		MESIN SIMULATOR / SLOT		2016	JAN-JUN 2017
							2016	JAN-JUN 2017	2016	JAN-JUN 2017		
PHK	2	13	1	8	1	8	0	0	1	10	0	0
ON-LINE	9	2	1	0	4	0	2	0	0	0	610	0
<b>JUMLAH</b>	<b>11</b>	<b>15</b>	<b>2</b>	<b>8</b>	<b>5</b>	<b>8</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>1</b>	<b>10</b>	<b>610</b>	<b>0</b>

**STATISTIK OPS DADU MESIN PERJUDIAN KONTINJEN PAHANG**

JENIS JUDI	SERBUAN		BERJAYA		TANGKAPAN		RAMPASAN				RAMPASAN WANG TUNAI (RM)	
							MESIN KOMPUTER		MESIN SIMULATOR / SLOT			
	2016	JAN-JUN 2017	2016	JAN-JUN 2017	2016	JAN-JUN 2017	2016	JAN-JUN 2017	2016	JAN-JUN 2017	2016	JAN-JUN 2017
PHK	138	154	63	65	190	174	0	0	181	152	24,750	17,965
ON-LINE	18	6	10	4	57	34	123	32	0	0	9,201	1,702
<b>JUMLAH</b>	<b>156</b>	<b>160</b>	<b>73</b>	<b>69</b>	<b>247</b>	<b>208</b>	<b>123</b>	<b>32</b>	<b>181</b>	<b>152</b>	<b>33,951</b>	<b>19,667</b>